# MENGUKUHKAN PELAKSANAAN SISTEM LESEN TUMPANG SEMENTARA PERTANIAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENERUSI KHIDMAT KEWANGAN ISLAM

*Oleh Awang Abdul Nasir Haji Abdul Rani*

*(Universiti Sains Islam Malaysia)*

## 1. Pengenalan Sistem LTS Pertanian di Negara Brunei Darussalam:

### 1.1 Sejarah Pelaksanaan Sistem LTS Pertanian:

Tarikh permulaan pelaksanaan Sistem LTS pertanian di Negara Brunei Darussalam tidak dapat dipastikan dengan tepat, lebih lagi ketika ketiadaan catatan lengkap dan jelas mengenainya. Sesetengah berpendapat bahawa sistem ini mula diamalkan sekitar tahun 60-an(1). Namun pendapat ini tidak dapat dibuktikan kesahihannya kerana tiada sebarang catatan rasmi yang menyokongnya.

Sesetengah pula berpendapat sistem ini diamalkan sejurus Undang-Undang LTS diperuntukkan dalam Undang-Undang Tanah Brunei 1909(2). Namun pendapat ini masih boleh dipersoalkan kerana terdapat catatan rasmi yang membuktikan bahawa peraturan yang mengawal penggunaan tanah kerajaan secara LTS dan borang permohonan menduduki tanah kerajaan secara LTS hanya mula diwartakan dan diedarkan pada 23hb Disember 1948 oleh Kerajaan British yang memerintah Brunei

pada waktu itu[3]. Lantaran itu, penyelidik lebih cenderung mengatakan realisasi pengamalan Sistem LTS pertanian di Negara Brunei Darussalam hanya dapat dipraktikkan sekitar awal tahun 1949 dan bukannya pada tahun 1909 sebagaimana yang dikatakan.

## 1.2 Ciri & Definisi Sistem LTS Pertanian:

Idea pengamalan Sistem LTS dipercayai berasal daripada sistem pengurusan tanah dalam Islam yang disebut sebagai Sistem *al-Iqṭō*. Kepercayaan ini timbul setelah penyelidik mendapati ciri-ciri Sistem LTS mempunyai banyak kesamaan dengan ciri-ciri Sistem *al-Iqṭō*. Ringkasnya, kesamaan ini dapat dilihat menerusi jadual berikut:

JADUAL (1):

CIRI KESAMAAN ANTARA SISTEM LTS DAN SISTEM *AL-IQṬŌ*

| |
|---|
| KAWALAN |
| Kedua sistem ini berada di bawah pengawasan dan terikat dengan peraturan yang ditetapkan oleh pemerintah |
| PENGGUNAAN TANAH |
| Kedua sistem ini memperuntukkan penggunaan tanah hanya untuk kegunaan pertanian dalam tempoh tertentu (sementara) sahaja |
| OBJEKTIF |
| Objektif yang hendak dicapai melalui kedua sistem pengurusan tanah ini ialah “pembangunan” dalam istilah ekonomi moden atau “imarah” dalam istilah Fiqh |
| PERATURAN |
| Kedua sistem ini menguatkuasakan peraturan berikut:<br>1. Individu yang ingin membangunkan tanah mestilah mendapat kebenaran daripada pemerintah atau wakil pemerintah terlebih dahulu.<br>2. Individu yang diberi kebenaran membangunkan tanah akan diberi surat kebenaran / lesen pendudukan sementara.<br>3. Pemohon hendaklah terdiri daripada penduduk negeri yang berkemampuan dan serius untuk membangunkan tanah tanpa mengira bangsa, agama, individu atau berkumpulan.<br>4. Tanah yang tidak dibangunkan atas sebab pengabaian akan ditarik balik dan kebenaran membangun tanah / lesen dibatalkan.<br>5. Sewa tanah (*al-Kharrāj*) ditentukan oleh pemerintah berdasarkan keluasan tapak yang dibangunkan. |

Dalam hal ini, penyelidik menolak keras jika ada pendapat yang mengatakan bahawa Sistem *al-Iqṭō* iialah cedokan daripada Sistem LTS. Kenyataan tersebut tidak dapat diterima kerana Islam memiliki cirinya tersendiri yang berkonsepkan ketuhanan, kesucian, dan kesempurnaan. Berasaskan keluhuran Sistem *al-Iqṭō* ini, penyelidik lebih cenderung mengatakan bahawa idea pengamalan Sistem LTS pertanian sekarang ialah berasal daripada Sistem *al-Iqṭō* yang diperuntukkan dalam Fiqh Islam.

Jika demikian hakikatnya, maka Sistem LTS pertanian dapat didefinisikan sepertimana definisi Sistem *al-Iqṭō* iaitu: “Satu sistem pengagihan tanah terbiar – yang tidak dimiliki oleh sesiapa – dilakukan oleh pemerintah atau wakilnya kepada pemohon tempatan berseorangan atau berkumpulan dengan kadar keluasan yang bersesuaian dengan kemampuan pemohon untuk membangunkannya secara sementara dalam suatu tempoh yang ditetapkan(4)”.

1.3 Senario Pelaksanaan Sistem LTS Pertanian:

Hasrat kerajaan menjadikan tapak LTS pertanian lebih berdaya saing menghasilkan tanaman dengan jumlah yang lebih besar dan boleh dikomersilkan telah mendorong perubahan corak pengusahaan tapak tersebut daripada diusahakan secara bersendirian kepada pengusahaan berkelompok menerusi koperasi ladang komunal. Perubahan corak pengusahaan ini berlaku dalam sekitar tahun 1994 yang diletakkan di bawah “Program Kemajuan Pertanian Luar Bandar” (KPLB)(5). Sehingga kini sebanyak empat puluh (40) buah kawasan luar bandar dengan keluasan 1,908.7 hektar telah diagihkan kepada koperasi– yang berdaftar – untuk dibangunkan sebagai tapak LTS

pertanian di bawah Program KPLB. Berikut ialah agihan tapak LTS pertanian di seluruh Negara Brunei Darussalam berdasarkan daerah:

JADUAL (2):

AGIHAN TAPAK LTS PERTANIAN PROGRAM KPLB

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

| Daerah | Jumlah Kawasan LTS | Keluasan Tapak LTS |
|---|---|---|
| Brunei Muara | 12 | 423.0 |
| Tutong | 20 | 660.6 |
| Belait | 3 | 317.0 |
| Temburong | 5 | 508.1 |
| **Jumlah** | **40** | **1,908.7** |

Sumber: Buku Panduan Program KPLB, Daerah Tutong, 2008.

Dianggarkan 49% daripada keluasan tapak LTS pertanian program KPLB sedia ada tidak diusahakan dengan sewajarnya sehingga menjadi tanah terbiar. Hasil pertanian juga tidak memberangsangkan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual (3):

JADUAL (3):

PERATUS PEMBANGUNAN TAPAK LTS PERTANIAN PROGRAM KPLB

| Daerah | Jumlah Kawasan LTS | Keluasan LTS (Hektar) | Keluasan Aktif (Hektar) | Kawasan Aktif (%) | Keluasan Tidak Aktif (Hektar) | Kawasan Tidak Aktif (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Brunei Muara | 12 | 423.0 | 174.0 | 41 | 249.0 | 59 |
| Tutong | 20 | 660.6 | 548.0 | 83 | 112.6 | 17 |
| Belait | 3 | 317.0 | 148.0 | 47 | 169.0 | 53 |
| Temburong | 5 | 508.1 | 113.0 | 22 | 395.1 | 78 |
| **Jumlah** | **40** | **1,908.7** | **983.0** | **51%** | **925.7** | **49%** |

Sumber: Buku Panduan Program KPLB, Daerah Tutong, 2008.

Jadual (4) pula memperincikan hasil keluaran pertanian di kesemua tapak LTS:

JADUAL (4):

PENGELUARAN HASIL TAPAK LTS PERTANIAN PROGRAM KPLB

| Daerah | Keluasan LTS (Hektar) | Pengeluaran Hasil (mt) | Anggaran Nilai (BND) | Purata Hasil (Hektar) |
|---|---|---|---|---|
| Brunei Muara | 423.0 | 500 | 835,000 | 1.19 |
| Tutong | 660.6 | 248 | 434,000 | 0.38 |
| Belait | 317.0 | 141 | 196,000 | 0.45 |
| Temburong | 508.1 | 99 | 184,000 | 0.20 |
| **Jumlah** | **1,908.7** | **988** | **1,649,000** | **1 ha = 0.52mt** |

Sumber: Buku Panduan Program KPLB, Daerah Tutong, 2008.

## 2. Masalah Pelaksanaan Sistem LTS di Negara Brunei Darussalam:

Kajian mendapati tatacara pengurusan yang lemah daripada pihak kerajaan dan juga daripada pihak koperasi, di samping wujudnya masalah kekurangan peruntukan kewangan membiaya aktiviti pertanian di tapak LTS merupakan faktor utama kegagalan pelaksanaan Sistem LTS pertanian Program KPLB ini.

### 2.1 Pengurusan Pihak Kerajaan:

Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan diberi kuasa untuk mengeluarkan LTS kepada koperasi untuk mengusahakan tapak pertanian(6). Ia juga berperanan membuat pemantauan kerja pertanian, menghulurkan bantuan yang diperlukan oleh koperasi, membuat pemeriksaan, dan membatalkan lesen jika mendapati tapak diabaikan atau diusahakan tetapi tidak menepati peraturan yang telah ditetapkan(7). Walau bagaimanapun, Jabatan Tanah menghadapi masalah kesukaran untuk menjalankan tanggungjawabnya memantau kerja pertanian kerana tidak memiliki tenaga pakar. Tambahan pula, jabatan juga tidak mempunyai peruntukan khas untuk membiayai Program KPLB untuk menghulurkan bantuan kepada koperasi(8).

Untuk penyelesain masalah ini, ada baiknya jika tapak LTS pertanian digezetkan di bawah penguasaan dan kawalan Jabatan Pertanian, Kementerian

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama kerana jabatan tersebut mempunyai tenaga pakar dalam hal ehwal tanaman dan berpengalaman luas dalam mengurus hal ehwal perladangan. Selain itu, kerajaan Brunei juga menyediakan peruntukan kewangan yang besar kepada Jabatan Pertanian dalam setiap tempoh lima (5) tahun untuk merangsang aktiviti pertanian dan mempelbagaikan industri agri-makanan dalam negara[(9)]. Dengan peruntukan yang ada, urusan pemantauan, pemeriksaan, dan agihan bantuan akan dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

## 2.2 Pengurusan Pihak Koperasi:

Lazimnya tapak LTS pertanian yang diagihkan oleh pihak kerajaan kepada koperasi akan dipecahkan kepada bahagian yang lebih kecil untuk dibangunkan oleh setiap orang peserta yang mendaftar dalam koperasi tersebut. Setiap orang peserta bertanggungjawab mengurus dan membangunkan tapak masing-masing tanpa campur tangan daripada pihak koperasi. Kaedah pengurusan seumpama ini dilihat tidak wajar berlaku kerana ia mengundang pelbagai kesan negatif terhadap perlaksanaan Sistem LTS pertanian di negara ini. Antaranya ialah:

a. Kegagalan koperasi mencapai kemajuan kerana usaha membagunkan tapak LTS hanya dilakukan secara bersendirian dengan berbekalkan modal yang kecil.

b. Kegagalan peserta koperasi menguasai alat teknologi moden. Kajian mendapati 91% daripada peserta masih berada dalam takuk lama mengusahakan tapak mereka dengan cara tradisional iaitu menggunakan kapak dan cangkul sahaja.

c. Kegagalan peserta koperasi mengawal masalah alam semulajadi seperti serangan binatang perosak, penyakit tanaman, tanah susur, dan sebagainya.

d. Menimbulkan perasaan tamak di kalangan peserta untuk menguasai tapak LTS sepenuhnya. 76% daripada responden mengakui tujuan mereka menyertai koperasi ialah untuk mendapatkan tapak dan untuk suka-suka.

Kesan negatif yang terhasil daripada corak pengurusan di atas secara langsung mencetuskan masalah pengabaian tapak LTS dan kurangnya hasil pertanian kerana tapak tidak dapat diusahakan dengan maksima yang juga menyebabkan kurangnya pendapatan. Oleh itu, pihak koperasi mesti berusaha mewujudkan suasana kerja baru yang lebih berwibawa bagi tujuan meningkatkan sarana produktiviti yang meliputi aspek teknikal, pengurusan, kemahiran, dan prestasi kerja. Ke arah mewujudkan suasana kerja yang kondusif, prinsip "perkongsian" (*al-Mushārakah*), "bekerjasama" (*al-Ta□āwun*), dan "pembahagian tugas" (*al-Taqsīm*) dilihat mampu untuk merealisasikannya.

Melalui perkongsian modal akan dapat membentuk satu kuasa yang kuat untuk melaksanakan projek baru atau peluasan projek sedia ada(10). Dengan perkongsian juga tidak akan timbul perasaan rakus, memperalat, atau diperalatkan oleh sesiapa kerana kesemua peserta sama-sama terlibat dalam kegiatan bercucuk tanam, sama-sama menanggung risiko kerugian dan juga menikmati keuntungan(11). Dengan adanya kerjasama, koperasi mempunyai keupayaan untuk membeli mesin, peralatan, bekerjasama menangani masalah alam semulajadi, mengurangkan kos penyediaan di samping meningkatkan penghasilan dan menjualnya dengan kerjasama pada harga yang lebih rendah daripada harga pasaran biasa, sekaligus membantu meningkatkan pendapatan dan keuntugan di kalangan ahli koperasi(12). Sementara dengan pembahagian tugas pula akan dapat meningkatkan tahap kecekapan dan meningkatkan kadar pertumbuhan penghasilan(13).

## 3. Pengukuhan Aktiviti Pertanian Menerusi Khidmat Kewangan Islam:

### 3.1 Peranan Institusi Kewangan Islam Memajukan Sektor Pertanian:

Toleransi dan kerjasama yang erat daripada institusi kewangan Islam dilihat dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh kerajaan dalam memajukan sektor pertanian negara. Ini disebabkan institusi berkenaan mempunyai kekuatan fisikal yang luar biasa kerana dianggotai oleh pelbagai lapisan masyarakat dari pelbagai latar belakang, seperti peniaga, pelabur, pengilang, pengusaha, pengurus enterprise kecil dan sederhana (SMEs) dan sebagainya. Untuk mengukuhkan sektor pertanian negara, institusi kewangan Islam disarankan supaya lebih agresif menawarkan pelbagai khidmat perbankannya dan mempelbagaikan lagi mod pembiayaannya kepada para petani, antaranya ialah;

### 3.2 Menawarkan Khidmat Penanaman dan Penjagaan Tanaman:

Khidmat penanaman dan penjagaan tanaman ini dapat direalisasikan melalui kontrak *al-Muzāra□ah* dan kontrak *al-Musāqāh*;

a. *Al-Muzāra□ah*:

Iaitu “satu kontrak perkongsian dalam aktiviti pertanian di mana pemilik tanah menyerahkan tugas penanamannya kepada pihak kedua. Hasil tanaman yang diperolehi akan dikongsi bersama antara keduanya dengan pembahagian nisbah seperti ½, ¼, atau 10%, 20% dan sebagainya mengikut persetujuan[(14)]”. Kontrak ini boleh dilakukan menerusi perjanjian di antara dua (2) pihak, iaitu; pertama diwakili oleh bank sebagai pihak yang menyediakan pembiayaan, kedua diwakili oleh pemilik tanah atau petani yang memerlukan dana. Menerusi kontrak ini, bank akan turut serta

dalam urusan pengusahaan tanah berkenaan iaitu dengan menyalurkan input pertanian yang diperlukan oleh petani. Untuk menjamin kesungguhan petani melakukan tugas penanaman, mereka juga dikehendaki turut sama menyediakan sebahagian daripada input yang diperlukan. Pembahagian keuntungan antara keduanya dapat dilakukan berdasarkan nisbah modal yang dikeluarkan oleh masing-masing, dan keuntungan yang selebihnya diserahkan kepada pemilik tanah. *Al-Muzāra□ah* juga boleh diaplikasikan melalui pengambil-alihan pemilikan tanah oleh bank samada dengan cara penyewaan atau pembelian, seterusnya bank membuat kontrak dengan para petani dan menyalurkan sebahagian atau keseluruhan input pertanian(15).

b. *Al-Musāqāh*:

Iaitu "satu kontrak perkongsian dalam aktiviti pertanian di mana pemilik tanah menyerahkan tugas penyiraman dan penjagaan tanam-tanaman kepada pihak kedua. Hasil yang diperolehi akan dibahagikan berdasarkan nisbah yang dipersetujui seperti ½, ¼, atau 10%, 20%, dan sebagainya seperti yang dipersetujui(16)". Kontrak *al-Musāqāh* boleh dilakukan menerusi perjanjian di antara dua (2) pihak, iaitu; pihak bank atau syarikat yang membiayai projek pengurusan air atau projek penjagaan tanah pertanian, dan pemilik ladang ataupun petani yang menjalankan tugas penyiraman dan penjagaan tanaman. Melalui kontrak ini, bank atau syarikat berkenaan melakukan projek penghantaran air, atau penggalian sumber air, atau projek penyulingan air sungai untuk diedarkan ke ladang yang sukar didapati sumber air. Khidmat tersebut akan diberi pulangan daripada hasil jualan pertanian seperti yang dipersetujui.

3.3 Mempelbagaikan Mod Pembiayaan Pertanian:

Selain daripada menawarkan khidmat penanaman dan penjagaan tanaman, institusi kewangan Islam juga dilihat perlu kreatif dalam mempelbagaikan mod pembiyaannya dalam usaha mengukuhkan aktiviti pertanian. Antaranya ialah;

a. *Al-Sharikah al-Mutanāqisah* (*Decreasing Partnership*):

Iaitu "satu bentuk perkongsian pelaburan antara bank dengan pelanggan. Pihak bank memberi kebenaran kepada pelanggan untuk mengambil-alih kedudukannya sebagai rakan kongsi pelaburan samada sekaligus ataupun dilakukan secara berperingkat mengikut perjanjian awal(17). Untuk pengambil-alihan projek tersebut, pelanggan dikehendaki memulangkan kos pembiayaan kepada bank secara *lump sum* ataupun secara ansuran. Setiap bayaran ansuran yang dibuat akan mengurangkan syer bank terhadap projek tersebut sehinggalah ia dimiliki sepenuhnya oleh pelanggan(18)". Melalui pembiayaan ini, institusi kewangan Islam bukan sahaja berperanan sebagai pembiaya projek, bahkan juga berperanan sebagai rakan kongsi pelaburan bersama pelanggan. Ia boleh diaplikasikan oleh institusi kewangan Islam melalui pembiayaan membeli jentolak, pembajak, dan sebagainya dengan mengenakan sayarat bayaran ansuran mudah dan munasabah.

b. *Al-Ijārah al-Tamlīkīyah* (*Lease Purchase*):

Gambaran praktikalnya ialah, institusi kewangan Islam berperanan membeli barangan tertentu dan disewakan kepada satu pihak (penyewa) untuk tempoh tertentu dengan bayaran sewa yang mungkin lebih tinggi dari kadar sewa biasa(19). Setelah tamat tempoh penyewaan, pemilikan barang tersebut akan berpindah kepada penyewa secara pemberian percuma (*hibah*) atau dijual dengan nilai simbolik daripada bayaran

sewa terakhir. Sekiranya penyewa gagal membayar sewa bulanan, maka terbatallah kontrak *al-Ijārah al-Tamlīkīyah* dan bertukar menjadi kontrak *al-Ijārah* (sewa biasa)[20]. Mod pembiayaan ini bukan hanya sesuai digunakan dalam pelaburan sektor perniagaan dan perindustrain sahaja, bahkan juga sesuai digunakan untuk merangsang pelaburan sektor pertanian seperti pembiayaan mesin, alat, dan sebagainya.

c. *Al-Murābahah al-Murakkabah* (*Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā*):

Gambaran praktiknya ialah, para pelanggan memohon bantuan daripada bank untuk membeli suatu barangan dengan memberikan spesifikasi tertentu seperti kuantiti, jenama, sifat, dan sebagainya. Bank akan membeli barang yang dipohonkan seperti yang diterangkan dengan syarat pelanggan berjanji untuk membelinya. Barang dijual pada harga asal dan dicampur dengan kos pembelian serta kadar keuntungan yang dimaklumkan. Bank menetapkan cara pembayaran dengan mengenakan syarat bayaran pendahuluan (*deposit*) kepada pelanggan sebagai jaminan. Bayaran seterusnya dilakukan secara ansuran dalam tempoh dan pada tarikh tertentu[21]. Sungguhpun mod pembiayaan ini pada lazimnya digunakan untuk membiaya aktiviti jangka masa pendek, ia juga dilihat sesuai diaplikasikan untuk membiaya aktiviti pertanian melalui pembiayaan peralatan dan keperluan lain. Dengan pembiayaan pendahuluan yang dihulurkan oleh bank ini akan dapat memudahkan urusan petani mengusaha ladang dan memperoleh hasil.

d. *Al-Bai□ bi al-Taqsīṭ*:

Iaitu “menyerahkan barang jualan kepada pembeli dengan bayaran tertangguh. Pembeli dikehendaki membayar samada sekaligus pada tarikh tertentu atau secara berperingkat dalam jangka waktu tertentu[22] dengan nilai jualan yang lebih tinggi berbanding dengan bayaran tunai semasa”. Melalui pembiayaan ini, seseorang yang tidak mempunyai sumber kewangan akan dapat memiliki dan menggunakan suatu keperluan dengan segera. Melihat betapa mudah dan efektifnya amalan mod pembiayaan ini, ada baiknya jika institusi kewangan Islam juga menawarkan mod yang sama untuk membiaya barangan konsumatif dan non-konsumatif seperti baja, benih, racun rumpai, dan sebagainya untuk kegunaan aktiviti pertanian. Untuk menjadikannya satu realiti, bank Islam perlu memiliki kedai sendiri supaya penduduk setempat boleh terus datang mendapatkan keperluan masing-masing dan mendapat kemudahan yang lain.

e. *Al-Salam*:

*Al-Salam* ialah: “penyerahan barang jualan tertangguh yang dijamin keberadaanya pada waktu tertentu dengan mendapat bayaran segera[23]”. Disebabkan kriteria *al-Salam* yang memperuntukkan penyerahan barang secara tertunda, maka sangat sesuailah jika ia diaplikasikan untuk membiaya aktiviti pertanian. Bank Islam juga boleh menetapkan supaya aset pertanian seperti tanah, jentera, dan lainnya dijadikan jaminan jika berlaku sebarang penipuan atau kecuaian yang disenghajakan oleh petani[24]. Bank boleh menggunakan kontrak ini pada musim buah-buahan atau musim menuai. Setelah tiba waktunya, para petani dikehendaki menyerahkan hasil pertanian mereka seperti yang dipersetujui sebelumnya. Bank seterusnya melakukan penjualan

hasil tersebut dengan harga yang lebih tinggi untuk mendapat keuntungan[25]. Selain menjualnya sendiri, bank juga boleh menggunakan kaedah berikut[26]:

- Mewakilkan pihak lain untuk memasarkan hasil tani dengan bayaran upah mendatar (*flat wages*) atau upah komisyen (*commission*), atau upah berdasarkan peratusan untung jualan.
- Setelah tamat kontrak antara bank dan petani, bank mewakilkan petani memasarkan hasil dengan diberi upah atau tanpa upah berdasarkan persetujuan.
- Menjual semula hasil tani (setelah memilikinya) kepada petani dengan jualan harga semasa kerana berkemungkinan petani mempunyai pelanggan tetap yang memudahkan urusan pemasaran.
- Membuat perjanjian terbuka dengan pihak ketiga untuk menjual hasil tani. Walau bagaimanapun, bank tidak boleh menerima sebarang bayaran daripada pihak tersebut sehinggalah bank menerima hasil tani daripada petani.

**4. Kesimpulan:**

Sungguhpun Negara Brunei Darussalam telah mempraktikkan sistem pertanian berkelompok melalui pengagihan tapak pertanian secara Lesen Tumpang Sementara (LTS) kepada koperasi ladang komunal untuk tempoh yang panjang, ia tetap dilihat sebagai satu sistem yang lemah dan tidak berfungsi dalam memajukan industri sektor pertanian negara. Masalah pengabaian tapak pertanian terus berlaku mengakibatkan hasil pertanian kekal pada tahap yang rendah. Antara punca timbulnya masalah ini ialah disebabkan sistem pengurusan yang tidak cekap dan tidak mempunyai peruntukan kewangan yang cukup. Oleh itu, perubahan drastik terhadap kaedah pengurusan daripada pihak kerajaan dan pihak koperasi ladang komunal dilihat perlu.

Selain itu, keperluan semasa juga mendesak supaya institusi kewangan Islam turut campur tangan dan terlibat secara langsung merangsang aktiviti pertanian negara. Ke arah merealisasikan hasrat ini, institusi kewangan Islam perlu lebih kreatif dan inovatif dalam menawarkan perkhidmatan baru di samping mempelbagaikan lagi mod pembiayaannya kepada para petani. Semoga dengan adanya bantuan secara langsung daripada institusi kewangan Islam ini akan dapat mengukuhkan pelaksanaan Sistem LTS pertanian di Negara Brunei Darussalam.

Sungguhpun institusi kewangan Islam dilihat berupaya untuk menawarkan khidmat dan mod pembiayaan pertanian, namun sudah tiba masanya Negara Brunei Darussalam mencontohi negara luar untuk menubuhkan sebuah institusi kewangan pertanian yang diurus secara Islam dan berperanan secara langsung membantu dan memberi khidmat kepada masyarakat luar bandar memajukan ladang pertanian dan mengembangkan industri agri-makanan serta pemasaran hasilnya di dalam dan di luar negara.

---

(1) Pengiran Haji Morni bin Pengiran Mohd. Daud. *Interview*. 12th February, 2008.

(2) Basza Suriyawati binti Haji Basri. *Interview*. 21st November, 2007.

(3) Brunei Land Code 1909. *Notification 123/48*. 23 December, 1948.

(4) Lihat: Wizārah al-Awqāf al-Majlis al-A□lā li al-Shuūn al-Islāmīyah. n.d. *Mausū□ah al-Mafāhīm al-Islāmīyah*. (CD-Rom). Mesir. Lihat: Akbar, Jamāl □Abd al-Qādir. 1995. *□Imārah al-Arḍ fī al-Islām: Muqāranah al-Sharī□ah bi Anẓimati al-□Umrān al-Waḍ□īyah*. □Ammān: Dār al-Bashīr. p. 58. Lihat: Al-Shazlī, Hasan. 1979. *Al-Iqtiṣād al-Islāmī: Maṣādiruhu wa Ususuhu*. n.pl: Dār al-Ittihād al-□Arabī. p.152.

(5) Basza Suriyawati binti Haji Basri. *Interview*. 21st November, 2007.

(6) Lihat: Surat Dato Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Kepada Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian & Sumber-Sumber Utama. n.d. p.2.

(7) Basza Suriyawati binti Haji Basri. *Interview*. 21st November, 2007.

(8) Pengiran Haji Morni bin Pengiran Mohd. Daud. *Interview*. 12th February, 2008. Basza Suriyawati binti Haji Basri. *Interview*. 21st November, 2007.

(9) Lihat: Jabatan Pertanian. *Pertanian Sekali Imbas*. Retrieved 13 August, 2008, from http://www.pertanian.gov.bn/Text/pertanian_sekali_imbas.html.

(10) Lihat: Ṣōleh, Ṣōlehī. 2001. *Al-Siyāsah al-Naqdīyah wa al-Mālīyah fī Iṭōr Niẓām al-Mushārakah fī al-Iqtiṣād al-Islāmī*. Al-Manṣūrah: Dār al-Wifā. pp. 27–28.

(11) Lihat: Al-Damūhī, Hamzah al-Jamī□ē. 1985. *□Awāmil al-Intāj īi al-Iqtiṣād al-Islāmī*. n.pl: Dār al-Tauzi□ wa al-Nashr al-Islāmīyah. p.322.

(12) Lihat: Farrāj, □Izzuddīn. n.d. *Al-Tanmiyah al-Iqtiṣādiyah wa al-Ijtimā□īyah fī al-Waṭan al-□Arabī*. Qāherah: Dār al-Fikr al-□Arabī. pp.90–92.

(13) Lihat: □Abd al-Qādir, Muhammad Ṣōleh. 1997. *Naẓarīyat al-Tamwīl al-Islāmī.* □Amman: Dār al-Furqān. pp.55–56.
(14) Lihat: Sābiq, al-Saiyid. 1987. *Fiqh al-Sunnah*. Bairūt: Dār al-Kitāb al-□Arabī. 3/p.195.
(15) Bank al-Taḍōmun al-Islāmī. Al-Muzāra□ah. *Al-Istithmār*. Retrieved 12th January, 2010, from http://www.tadamonbank-sd.com/details.php?rsnType=1&id=36.
(16) Lihat: Abū Jeib, Sa□dī. 1998. *Al-Qāmūs al-Fiqhī Lughatan wa Iṣṭlāhan*. Dimashq: Dār al-Fikr. p.176.
(17) Lihat: □Abdullāh, □Abdel Laṭīf. 1997. *Al-Ījāz fī Mabādi' al-Iqtisād al-Islāmī.* Bairūt: Dār Ibni Hazm. p.128.
(18) Lihat: Irshīd, Mahmūd. 2001. *Al-Shāmil fī Mu□āmalāt wa □Amalīyāt al-Masārif al-Islāmīyah*. Al-Urdun: Dār al-Nafāes. p.35.
(19) Lihat: Shabīr, Muhammad. 1999. *Al-Mu□āmalāt al-Mālīyah al-Mu□āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī.* Al-Urdun: Dār al-Nafāes. p.327.
(20) Lihat: Irshīd, Mahmūd. 2001. *Al-Shāmil fī Mu□āmalāt wa □Amalīyāt al-Masārif al-Islāmīyah*. Op.Cit. p.64.
(21) Lihat: Ṣōleh, Ṣōlihī. 2001. *Al-Siyāsah al-Naqdīyah wa al-Mālīyah fī Iṭār Niẓām al-Mushārakah fi al-Iqtiṣād al-Islāmī.* Op.Cit. p.29.
(22) Lihat : Al-Sarṭōwī, Fuād. 1999. *Al-Tamwīl al-Islāmī wa Daur al-Qitā□ al-Khāṣ.* □Ammān: Dār al-Masīrah. p.242.
(23) Lihat: Al-Shāfi□ī, Muhammad. 2001. *Al-Um.* Al-Manṣūrah: Dār al-Wifā. 4/p.181.
(24) Lihat: Majīd, Ḍiā. 2001. *Al-Bunūk al-Islāmīyah*. Al-Iskandarīyah: Muassasah Shabāb al-Jāmi□ah. p.52.
(25) Lihat: Irshīd, Mahmūd. (2001). *Al-Shāmil fī Mu□āmalāt wa □Amalīyāt al-Masārif al-Islāmīyah*. Op.Cit. p.111.
(26) Lihat: Al-Ashqar, Muhammad. et.al. 1998. *Buhūth Fiqhīyah fī Qaḍāyā Iqtiṣādīyah Mu□āṣirah*. Al-Urdun: Dār al-Nafāes. 1/pp.213-217.

**Rujukan:**

**Buku:**

□Abd al-Qādir, Muhammad Ṣōleh. 1997. *Naẓarīyat al-Tamwīl al-Islāmī.* □Amman: Dār al-Furqān.

□Abdullāh, □Abdel Laṭīf. 1997. *Al-Ījāz fī Mabādi' al-Iqtisād al-Islāmī.* Bairūt: Dār Ibni Hazm.

Abū Jeib, Sa□dī. 1998. *Al-Qāmūs al-Fiqhī Lughatan wa Iṣṭlāhan*. Dimashq: Dār al-Fikr.

Akbar, Jamāl □Abd al-Qādir. 1995. *□Imārah al-Arḍ fī al-Islām: Muqāranah al-Sharī□ah bi Anẓimati al-□Umrān al-Waḍ□īyah.* □Ammān: Dār al-Bashīr.

Al-Ashqar, Muhammad. Muhammad □Uthmān Shabīr. Mājid Muhammad Abū Rakhīyah. □Umar Sulaimān al-Ashqar. 1998. *Buhūth Fiqhīyah fī Qaḍāyā Iqtiṣādīyah Mu□āṣirah*. Al-Urdun: Dār al-Nafāes.

Al-Damūhī, Hamzah al-Jamī□ē. 1985. *□Awāmil al-Intāj īi al-Iqtiṣād al-Islāmī*. n.pl: Dār al-Tauzi□ wa al-Nashr al-Islāmīyah.

Farrāj, □Izzuddīn. n.d. *Al-Tanmiyah al-Iqtiṣādiyah wa al-Ijtimā□īyah fī al-Waṭan al-□Arabī*. Qāherah: Dār al-Fikr al-□Arabī.

Irshīd, Mahmūd. 2001. *Al-Shāmil fī Mu□āmalāt wa □Amalīyāt al-Masārif al-Islāmīyah*. Al-Urdun: Dār al-Nafāes.

Majīd, Ḍiā. 2001. *Al-Bunūk al-Islāmīyah*. Al-Iskandarīyah: Muassasah Shabāb al-Jāmi□ah.

Sābiq, al-Saiyid. 1987. *Fiqh al-Sunnah*. Bairūt: Dār al-Kitāb al-□Arabī.

Al-Sarṭōwī, Fuād. 1999. *Al-Tamwīl al-Islāmī wa Daur al-Qitā□ al-Khāṣ*. □Ammān: Dār al-Masīrah.

Shabīr, Muhammad. 1999. *Al-Mu□āmalāt al-Mālīyah al-Mu□āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī*. Al-Urdun: Dār al-Nafāes.

Al-Shāfi□ī, Muhammad. 2001. *Al-Um*. Al-Manṣūrah: Dār al-Wifā.

Al-Shazlī, Hasan. 1979. *Al-Iqtiṣād al-Islāmī: Maṣādiruhu wa Ususuhu*. n.pl: Dār al-Ittihād al-□Arabī.

Ṣōleh, Ṣōlehī. 2001. *Al-Siyāsah al-Naqdīyah wa al-Mālīyah fī Iṭōr Niẓām al-Mushārakah fī al-Iqtiṣād al-Islāmī*. Al-Manṣūrah: Dār al-Wifā.

**Elektronik:**

Bank al-Taḍōmun al-Islāmī. Al-Muzāra□ah. *Al-Istithmār*. Retrieved 12th January, 2010, from http://www.tadamonbank-sd.com/details.php?rsnType=1&id=36.

Jabatan Pertanian. *Pertanian Sekali Imbas*. Retrieved 13 August, 2008, from http://www. pertanian.gov.bn/Text/pertanian_sekali_imbas.html.

Wizārah al-Awqāf al-Majlis al-A□lā li al-Shuūn al-Islāmīyah. n.d. *Mausū□ah al-Mafāhīm al-Islāmīyah*. (CD-Rom). Mesir.

**Temubual:**

Basza Suriyawati binti Haji Basri. Pegawai Jabatan Tanah Daerah Tutong. 21st November, 2007.

Pengiran Haji Morni bin Pengiran Mohd. Daud. Pegawai Jabatan Tanah Daerah Brunei Muara. 12th February, 2008.

**Lain-lain:**

Brunei Land Code 1909. *Notification 123/48*. 23 December, 1948.

Surat Dato Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Kepada Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian & Sumber-Sumber Utama. n.d.